

18 NOV 2001

Shahidan-Khor

KEDUDUKAN KESIHATAN KHOR AKAN DIMAKLUMKAN KEPADA PERDANA MENTERI

KANGAR, 18 Nov (Bernama) -- Kedudukan kesihatan anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Indera Kayangan, Datuk Khor Liang Tee yang kini bergantung kepada alat sokongan hayat akan dimaklumkan kepada Perdana Menteri esok.

Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, beliau akan mengemukakan surat rasmi kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok mengenai perkembangan terbaru kesihatan Khor yang juga Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Perlis.

Khor, 59, kini ditempatkan di Unit Rawatan Rapi Pusat Perubatan Gleneagles, Jalan Ampang dan sedang menggunakan alat sokongan hayat, katanya kepada para pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan para pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) kawasan Indera Kayangan di sini, hari ini.

Beliau menerima rawatan di hospital itu sejak dua bulan lalu.

Shahidan berkata beliau telah melawat Khor di hospital swasta itu semalam dan mendapati keadaan wakil rakyat itu agak tenat.

Khor, wakil rakyat yang peramah dikesan menghidap barah usus sejak dua tahun lalu dan sejak itu, beliau sering menerima rawatan di Kuala Lumpur.

Khor yang juga Pengerusi MCA Perlis sejak 1990 memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri Indera Kayangan sejak tiga penggal lalu.

Ditanya mengenai perjumpaannya dengan kepimpinan komponen BN kawasan Indera Kayangan hari ini, Shahidan berkata, ia merupakan perjumpaan biasa.

"Secara kebetulan hari ini giliran saya bertemu kepimpinan daripada kawasan Indera Kayangan," katanya.

-- BERNAMA

AD PR